

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian menyedari bahawa dengan pelaksanaan GST, ianya amat merumitkan peniaga kecil dan sederhana yang terlibat hingga menjejaskan pendapatan mereka yang juga telah berkurangan atas beberapa faktor ekonomi yang lain seperti kenaikan tarif elektrik, bahan api serta kenaikan kos barangan itu sendiri dan kejatuhan nilai mata wang Malaysia. Adakah Kerajaan bersedia untuk menangguhkan pelaksanaan GST ini atau sekurang-kurangnya menimbangkan untuk dikurangkan ke paras 2% sehingga satu masa yang lebih sesuai.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pelaksanaan GST merupakan langkah penyusunan semula struktur percukaian negara supaya lebih telus, efektif, efisien dan mesra perniagaan. GST bukanlah langkah untuk membebankan golongan peniaga malahan Kerajaan telah menyediakan pakej bantuan bagi membantu golongan peniaga terutamanya mereka dibawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti berikut:

- i. Kadar cukai pendapatan yang dikenakan ke atas PKS diturunkan kepada 19 peratus daripada kadar semasa 20 peratus mulai tahun taksiran 2016;
- ii. Subsidi RM1,000 bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST kepada PKS;
- iii. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
- iv. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan.

Selain itu, sekiranya PKS tersebut telah mencapai threshold RM500,000 dan berdaftar di bawah GST, PKS berkenaan dapat menuntut semula cukai input yang ditanggung oleh mereka. Ini bermaksud semua GST yang dibayar oleh PKS seperti perolehan mesin, bahan pembungkusan, utiliti termasuk tariff elektrik dan lain-lain input yang dikenakan GST boleh dituntut semula oleh PKS dan tidak akan menjadi kos kepada perniagaan. Berbeza dengan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan, PKS tidak dapat menuntut keseluruhan cukai yang dibayar mereka kerana tiada kemudahan tuntutan cukai input yang disediakan.

Bagi memastikan golongan ini memahami dan mematuhi pelaksanaan GST, Kerajaan telah menjalankan usaha berterusan untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan GST kepada golongan sasaran melalui program penerangan GST dan program *Hand Holding* kepada peniaga berdaftar yang dijalankan mengikut sektor-sektor industri secara lebih mendalam.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar GST yang telah ditetapkan pada kadar 6% merupakan kadar terendah di ASEAN. Pelbagai barang dan perkhidmatan asas juga dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan dari GST. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan asas seperti beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, serta pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Selain itu, jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberikan pelepasan daripada GST. Kadar GST enam peratus yang ditetapkan telahpun mengambil kira beberapa faktor tertentu termasuk kutipan hasil daripada cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang telah dimansuhkan. Struktur GST juga mengambil kira kedudukan sosio-ekonomi rakyat supaya GST yang dilaksanakan adalah bersifat progresif dengan kadar yang lebih rendah berbanding daripada kadar cukai jualan iaitu 10%.